

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	02 DECEMBER 2016

Tindakan Tun M kemuncak penderhakaan

➔ Kesetiaan ahli UMNO sokong bekas PM tidak diendahkan

► Kuala Lumpur

Kesetiaan ahli UMNO menyokong Tun Dr Mahathir Mohamad selama 22 tahun tidak diendahkan oleh bekas Perdana Menteri itu, sebaliknya beliau berpaling tadah dan bersekongkol dengan musuh untuk menjatuhkan kepemimpinan parti serta kerajaan.

Bukan itu sahaja, beliau sanggup berganding bahu dengan DAP yang ketika pemerintahannya adalah seteru utama kerajaan dan parti.

Tindakan dan sikap Dr Mahathir itu disifatkan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak sebagai kemuncak penderhakaan bukan saja terhadap parti, malah bangsa dan negara.

Lahir rasa kesal

Secara terbuka di hadapan perwakilan Perhimpunan Agung UMNO 2016, Najib secara peribadi melahirkan rasa kesal dan kecewa dengan tindakan dan sikap Dr Mahathir yang dahulunya seorang negarawan terbilang.

“Sehingga tidak keterlaluan jika dikatakan, beliau yang pernah kita sanjung sebagai seorang tokoh dulu, kini tergamak dan terbabit dalam perbuatan keji dan bersubahat dengan DAP, perhimpunan haram Bersih, Parti Amanah Negara, PKR dan lebih teruk daripada itu bersekongkol dengan musuh luar negara seperti George Soros yang per-

nah dibenci dan disuruh kita benci sebagai penyangak mata wang,” katanya.

Najib juga memperkatakan mengenai walak dan kesetiaan yang menurutnya perlu menjadi teras utama untuk kejayaan perjuangan parti.

Beliau berkata, episod pertembungan antara Team A dan Team B ketika pemilihan Presiden UMNO pada 1987 menyaksikan ahli UMNO setia di belakang Dr Mahathir sehingga Tengku Razaleigh Hamzah berkecil hati dengannya atas keputusan beliau dan pasukan berpihak kepada Dr Mahathir.

Berpegang prinsip walak

“Namun ketahuilah, saya lakukan itu semata-mata berpegang atas prinsip walak dan tuntutan kesetiaan kepada seorang Presiden parti walaupun secara peribadinya saya sangat akrab dengan Tengku

Razaleigh dan sehingga kini saya tetap menghormati beliau sampai bila-bila.

“Babak selanjutnya, tragedi hitam ketika Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari 1988, mengisytiharkan bahawa UMNO sebagai pertubuhan haram. Siapa juga pada saat genting dan mendebarkan tersebut, yang berdiri teguh menyokong dan membantu Dr Mahathir selaku Presiden sehingga UMNO baharu telah secara rasmi diterima semula secara sah?” katanya.

Kesetiaan yang sama terhadap Dr Mahathir selaku Presiden UMNO turut dibuktikan ketika negara berdepan krisis kegawatan kewangan Asia pada sekitar tahun 1997-1998.

Katanya, UMNO sebagai parti yang menjunjung adat dan budaya Timur serta bersendikan landasan syarak, menyatakan sokongan dan dukungan terhadap seorang Pre-

siden atau Perdana Menteri selama ini.

Pikul tanggungjawab

Bagi beliau prinsip walak membawa maksud nilai cinta kasih, kepatuhan, sumpah setia, taat dan bai'ah, yang wajib diberikan kepada seseorang khalifah, pemimpin yang sah atau dalam konteks UMNO kepada Presidennya, manakala dalam konteks kerajaan pula, kepada Perdana Menteri.

“Walak dan kesetiaan yang diberikan kepada institusi yang saya sandang ini adalah atas sebab tanggungjawab yang dipikul dan diamanahkan oleh ahli parti serta rakyat.

“Pastinya walak dan kesetiaan sepenuhnya juga wajib diterima oleh sesiapa pun kelak yang akan berada di puncak dan mengambil alih jawatan Presiden dan Perdana Menteri,” katanya.

BH- 2/12/2016